

FASAL 5 KEAHLIAN

- (1) Keahlian PCM adalah terbuka kepada semua Warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun keatas tanpa mengira jantina, kaum, agama atau keturunan. Bilangan ahli adalah tidak terhad.
- (2) Tiap-tiap orang berhak memohon dan mendaftar diri sebagai ahli PCM mengikut Perlembagaan dan peraturannya.
- (3) Permohonan mendaftar sebagai ahli biasa hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Cawangan untuk mendapatkan kelulusan permohonan tersebut.
- (4) Borang pendaftaran menjadi ahli hendaklah ditandatangani oleh pemohon sendiri dan disokong oleh seorang pencadang dari ahli Cawangan di mana ia memohon menjadi ahli dan hendaklah disertakan dengan bayaran wang pendaftaran dan yuran.
- (5) Jawatankuasa Pusat berhak membuat apa-apa keputusan atas nama-nama permohonan pendaftaran keahlian atau taraf sesuatu pendaftaran itu.
- (6) Jawatankuasa Pusat PCM berkuasa menetapkan bayaran masuk dan yuran ahli.
- (7) Tiap-tiap ahli mempunyai kewajipan seperti berikut :
 - (i) Mematuhi dasar PCM dan melaksanakan tujuan-tujuannya di samping menjaga nama baik dan imej PCM.
 - (ii) Mendaftar diri sebagai pengundi dan mengundi di setiap pilihan raya, melainkan atas sebab-sebab yang boleh diterima oleh Jawatankuasa Pusat.
 - (iii) Menghadiri mesyuarat-mesyuarat dan mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan PCM.
 - (iv) Menjalankan kerja-kerja PCM dan mematuhi tataetika, perintah-perintah dan disiplin PCM.
 - (v) Menyokong calon-calon PCM yang bertanding dalam pilihan raya.
 - (vi) Berkhidmat dengan jujur dan sepenuh hati kepada rakyat.



(8) Tiap-tiap ahli mempunyai hak-hak yang berikut :


- (i) Mengemukakan pendapat-pendapat dan mengundi di dalam mesyuarat-mesyuarat PCM.
- (ii) Memilih, dipilih dan dilantik untuk sebarang jawatan di dalam PCM.
- (iii) Mengambil bahagian dalam pilihan raya dan menerima lantikan PCM sebagai seorang calon.

(9) Seseorang ahli itu tidak berhak :

- (i) Menjadi ahli lebih daripada satu Cawangan.
- (ii) Mewakillikan hak mengundinya kepada sesiapa jua pun.
- (iii) Menjadi Ketua, Timbalan Ketua, Pemeriksa Kira-Kira atau Ahli Jawatankuasa lebih daripada satu Cawangan melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Jawatankuasa Pusat.
- (iv) Menjadi Ahli Jawatankuasa di peringkat yang sama di mana ia telah dipilih menjadi Ketua, Timbalan Ketua atau Pemeriksa Kira-Kira dan sebaliknya.
- (v) Mengambil bahagian bercakap, mengundi, memilih dan dipilih dalam Perwakilan Cawangan selain daripada Cawangan di mana ia menjadi ahli.

FASAL 6 BAYARAN MASUK, YURAN DAN BAYARAN LAIN

- (1) Tiap-tiap ahli biasa hendaklah membayar dengan wangnya sendiri kepada Ibu Pejabat melalui Cawangan sebanyak RM3.00 (Ringgit Malaysia Tiga Sahaja) bagi Wang Pendaftaran dan RM2.00 (Ringgit Malaysia Dua Sahaja) bagi yuran tahunan.
- (2) Yuran yang telah ditetapkan, hendaklah dijelaskan tidak lewat daripada 31hb Mei setiap tahun.
- (3) Bagi ahli-ahli yang membayar yuran tiap-tiap tahun, tarikh pembayaran yuran Cawangan kepada Ibu Pejabat adalah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pusat.



FASAL 7 PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- (1) Ahli yang berhak berhenti daripada menjadi ahli PCM hendaklah memberi keterangan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Cawangan dan menjelaskan segala hutangnya.
- (2) Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang PCM atau bertindak dengan cara yang



mencemar nama baik PCM boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi satu tempoh yang munasabah oleh Jawatankuasa Cawangan. Sebelum Jawatankuasa Cawangan memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungan secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung cawangan menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.